

Ahmad Samsuri Menghadap Sultan Terengganu Mohon Bubar DUN



KUALA TERENGGANU - Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar menghadap Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin pada pagi Selasa untuk memohon perkenan mengenai tarikh pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN).

Ahmad Samsuri, yang juga merupakan Pengerusi Perikatan Nasional (PN) Terengganu, tiba di Istana Syarqiyyah pada jam 8.38 pagi untuk sesi menghadap tersebut.

Beliau sempat membuka tingkap kereta dan melambai tangan kepada para pengamal media yang berkumpul di luar istana.

Tidak dijangka ada sidang media khas mengenai pengumuman tarikh pembubaran DUN hari ini. Sebaliknya, Menteri Besar hanya akan mengeluarkan kenyataan bertulis setelah sesi menghadap selesai.

Pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU), Pas mengambil alih pentadbiran kerajaan Terengganu daripada Barisan Nasional (BN) selepas memenangi 22 daripada 32 kerusi DUN, manakala BN hanya memperoleh 10 kerusi.

Tempoh mandat DUN Terengganu akan berakhir pada 30 Jun ini.

Terengganu merupakan salah satu dari enam negeri yang akan mengadakan Pilihan Raya Negeri (PRN) pada tahun ini, bersama dengan Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kelantan, dan Kedah.

DUN Kelantan telah dibubarkan pada 22 Jun, manakala DUN Selangor sehari selepasnya.